

14 AUG 2003

Mahathir-Buku

BUKU UCAPAN DR MAHATHIR CENDERAHATI SAID

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE (Swaziland), 14 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 600 peserta dari 16 buah negara yang menghadiri Dialog Perkongsian Pintar Global 2003 di sini menerima buku koleksi ucapan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad mengenai globalisasi, perkongsian pintar dan kerajaan.

Buku setebal 269 muka surat itu diberikan sebagai cenderahati sempena persaraan Dr Mahathir.

Dr Mahathir yang mula menjawat jawatan itu pada 16 Julai, 1981, akan bersara Oktober depan dan bakal digantikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Buku yang disunting oleh pegawai khas kepada Perdana Menteri, Datuk Hashim Makaruddin itu mengandungi siri ucapan yang ditulis dan disampaikan antara 1980-an hingga 2002.

Ucapan-ucapan Dr Mahathir mengenai globalisasi dan perkongsian pintar dalam forum tempatan dan antarabangsa meluas dipetik dalam perbincangan-perbincangan tentang tajuk itu.

Malahan dalam ucapannya semalam, Perdana Menteri telah menekankan betapa globalisasi boleh memperluaskan jurang antara negara-negara kaya dan miskin dan jika tidak dikawal, boleh mencetuskan perang dunia melibatkan pertentangan darjat yang merentasi sempadan dan ia kini ternyata telah mula berlaku menerusi meningkatnya insiden-insiden keganasan global.

Dr Mahathir juga berkata : "Sementara kita perlukan globalisasi, kita juga tidak harus menerimanya bulat-bulat. Kita perlu meletakkan nilai-nilai kemanusiaan kepada globalisasi."

Perdana Menteri juga berpendapat perkongsian pintar dan globalisasi saling berkait, di mana untuk menikmati sepenuhnya manfaat globalisasi, ekonomi dunia perlu berganjak daripada semata-mata mengutamakan persaingan dengan memasukkan elemen kerjasama seperti falsafah sama-sama menang yang menjadi asas konsep perkongsian pintar.

Beliau juga berkata sistem ekonomi global kini bukan sekadar rangkaian sehalu tetapi satu jaringan kompleks perhubungan yang bertindakbalas.

Dr Mahathir juga menasihati negara-negara agar mengamalkan perkongsian pintar dan berwaspada dengan manfaat dan kesulitan globalisasi.

"Kepentingan rakyat perlu sentiasa menjadi keutamaan," katanya.

Hashim, bekas editor Perkhidmatan Ekonomi Bernama, dalam kata aluannya berkata pemikiran Dr Mahathir yang lancar dan fasih tentang perkara-perkara itu menjadikan buku itu bukan sahaja menarik tetapi akan membantu pembacanya lebih memahami globalisasi dan perkongsian pintar.

-- BERNAMA

MR AHH MOZ